

Promosi Banci Pertanian 2024

DOSM sertai KJH Johor dalam usaha mewar-warkan data serta statistik negara kepada masyarakat

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Dalam usaha mewar-warkan data serta statistik negara kepada masyarakat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Johor tidak melepaskan peluang menyertai Karnival Jom Heboh (KJH) Johor yang diadakan di Angsana Johor Bahru Mall di sini, selama tiga hari bermula Jumaat lalu.

Penyertaan reruai DOSM di KJH itu adalah sebagai siri terakhir jelajah sambutan Hari Statistik Negara 2023 bagi peringkat Negeri Johor yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun.

Pengarah DOSM Negeri Johor, Mazreha Ya'akub berkata, pihaknya turut mengambil inisiatif dalam penyertaan di KJH bertujuan untuk mempromosikan Banci Pertanian 2024 yang bakal diadakan pada 7 Julai tahun hadapan.

"Aktiviti yang kami adakan sepanjang tiga hari di KJH ini adalah kuiz interaktif bersama pengunjung, *Stats Talk*, pameran produk terkini jabatan, Roda Impian dan Celik Nombor bagi pengunjung cilik kami.

"KJH adalah platform



ORANG ramai mengunjungi gerai pameran DOSM Johor pada Karnival Jom Heboh Johor di pekarangan Angsana Johor Bahru Mall. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

yang terbaik untuk kami sendiri mewar-warkan dan meraikan Hari Statistik Negara selain mahu masyarakat lebih cakna statistik supaya mereka dapat menggunakan data dan statistik yang dikeluarkan oleh DOSM.

"Sambutan diterima kami di KJH sangat menggalakkan dan luar biasa. Pengunjung dapat melihat pelbagai jenis statistik yang kami bawa dan mereka dapat menyertai pelbagai aktiviti dan pengisian yang

kami sediakan," katanya.

Menurut beliau, pada 20 Oktober lalu, DOSM Johor menganjurkan beberapa program sempena sambutan Hari Statistik Negara 2023 peringkat Negeri Johor seperti Mini Karnival Statistik bersama Komuniti dan Sesi Literasi Banci Pertanian 2024 di Kangkar Pulai di sini dan dihadiri oleh 3,000 pengunjung.

"Pada 23 Oktober lalu pula, DOSM Johor juga telah berkolaborasi bersama Universiti Tun Hussein

Onn Malaysia (UTHM) di Hub Pendidikan Pagoh dalam menganjurkan Program Literasi Statistik Banci Pertanian 2024 dan Produk OpenDOSM NextGEN dengan penyertaan 200 pelajar," katanya.

Mengulas mengenai Banci Pertanian 2024 yang akan dilaksanakan tahun hadapan, Mazreha berkata, proses pengemaskinian sedang dijalankan meliputi bancian sektor pertanian dalam isi rumah dan pertubuhan.



KJH adalah platform terbaik untuk kami mewar-warkan dan meraikan Hari Statistik Negara selain mahu masyarakat lebih cakna statistik"

Mazreha

"Ini adalah bancian pertanian yang keempat dilaksanakan selepas kali terakhir dibuat pada 2005," katanya.

Di samping itu, ditanya mengenai produk terkini DOSM iaitu OpenDOSM pula, Mazreha berkata ia adalah platform atau *dashboard* yang boleh diakses oleh masyarakat.

"Kita letakkan data terbuka berbentuk katalog supaya semua masyarakat boleh menggunakan data berkenaan dalam membuat analisis ringkas, selain itu dalam OpenDOSM juga sudah ada 14 *dashboard* yang telah kita bangunkan," katanya.

Pada masa sama, Mazreha berharap penganjuran karnival seumpama KJH berkenaan dapat diteruskan supaya boleh dijadikan

platform yang luas bagi DOSM merakyatkan statistik negara.

"Harapan kami di DOSM adalah supaya masyarakat dapat mengenali DOSM dengan lebih dekat dan memahami peranan kami sebagai agensi utama kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir dan menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini.

"Kita mahu masyarakat sedar kewujudan DOSM dan dapat memberi respon serta maklum balas yang baik ketika kami melaksanakan bancian atau survei kerana data yang boleh dipercayai adalah penting dalam penjaan statistik yang dapat digunakan oleh pembuat dasar kerajaan," katanya.